



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 6/1972**

**Merekod Dan Memungut Hasil Tambahan Sebelum Dikeluarkan
Hakmilik Tetap**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 6/1972

Merekod Dan Memungut Hasil Tambahan Sebelum Dikeluarkan Hakmilik Tetap

Sebelum Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberi nasihat kepada Pemungut-pemungut Hasil Tanah tentang mustahaknya diadakan satu rekod bagi jenis-jenis bayaran tambahan hasil tanah yang digunakan sebelum keluaran Surat Hakmilik Tetap selepas kelulusan permintaan memilik tanah, memecah sempadan, memecah bahagian dan mencantum tanah-tanah. Bayaran tambahan hasil tanah itu adalah dikenakan apabila didapati kelulusan tanah itu berlebihan selepas ukuran halus (*survey*) dijalankan.

2. Pada masa sekarang butir-butir hasil tanah yang dikenakan setelah permohonan tanah diluluskan adalah direkodkan di dalam satu daftar dan dengan itu adalah juga mustahak iaitu butir-butir bayaran tambahan hasil tanah yang tersebut direkodkan sebelum pengeluaran Hakmilik Tetap bagi pemberian hakmilik, pecah sempadan, pecah bahagian dan pencantuman tanah. Tujuan rekod ini ialah untuk menyenangkan kutipan hasil-hasil tersebut dan juga bagi kemudahan pemeriksaan kira-kira Buku Rekod yang patut diadakan mahulah mengandungi butir-butir seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 'A'**.

3. Berhubung dengan perkara ini Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki mengambil tindakan menurut peruntukan seksyen-seksyen Kanun Tanah Negara yang tersebut di bawah ini iaitu tindakan mengira semula (*recomputed*) jumlah bayaran yang patut dikenakan bagi jenis-jenis hasil yang tersebut di atas dengan berasaskan kepada keluasan ukuran halus. Tindakan ini adalah mustahak disiapkan sebelum diambil tindakan mengeluarkan Hak milik Tetap bagi pemberian milik, pecah sempadan, pecah bahagian dan pencantuman tanah:-

	Seksyen yang berkenaan
(a) Kelulusan permintaan hakmilik yang tidak diikuti oleh Pendaftaran Surat Hakmilik Sementara.	Seksyen 84(1)
(b) Kelulusan permintaan hakmilik diikuti oleh pendaftaran Surat Hakmilik Sementara	Seksyen 190(1)(b)
(c) Kelulusan pecah sempadan, pecah bahagian dan pencantuman tanah yang tidak diikuti oleh pendaftaran Surat Hakmilik Sementara	Seksyen 171(3)(a)
(d) Kelulusan pecah sempadan, pecah bahagian dan pencantuman tanah yang diikuti oleh pendaftaran Surat Hakmilik Sementara	Seksyen 191(a)

Dalam pemberian milik tanah, jenis-jenis hasil yang dimaksudkan ialah harga tanah (*premium*), cukai tanah (*rent*), bayaran ukur (*survey fees*) dan bayaran batu sempadan (*boundary marks*) yang dinyatakan di dalam Borang 5A. Jika sekeping tanah itu dibenarkan penggunaannya dengan A.A. atau Q.T. tambahan cukai pelajaran dan cukai parit dan taliair mahulah juga dikutip menurut peruntukan-peruntukan (jika ada) di dalam peraturan-peraturan tanah yang dibuat menurut seksyen 445 Kanun Tanah Negara dan dikuatkuasakan mulai 1hb. Januari, 1966. Bagi

hasil tanah sahaja jumlahnya hendaklah dikira mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 96 Kanun Tanah Negara.

Mengenai permintaan memecah sempadan, memecah bahagian dan menyatu tanah-tanah, jenis-jenis hasil yang dikenakan ialah bayaran ukur dan hasil tahunan.

4. Berkenaan kutipan jenis-jenis hasil tanah yang tersebut, Pemungut-pemungut Hasil Tanah hendaklah berpandu kepada peruntukan seksyen-seksyen Kanun Tanah Negara yang tersebut di bawah ini:-

	Seksyen yang berkenaan
(a) Kelulusan permintaan hakmilik yang tidak diikuti oleh pendaftaran Surat Hakmilik Sementara.	Seksyen 84(1)(b)
(b) Kelulusan permintaan hakmilik diikuti oleh pendaftaran Suratan Hakmilik Sementara.	Seksyen 190(1)(c)
(c) Kelulusan pecah sempadan, pecah bahagian dan pencantuman tanah yang tidak diikuti oleh pendaftaran Suratan Hak milik Sementara.	Seksyen 171(2)
(d) Kelulusan pecah sempadan, pecah bahagian dan pencantuman tanah yang diikuti oleh pendaftaran Suratan Hak milik Sementara.	Seksyen 191(b)

Untuk mengutip jenis-jenis hasil yang tersebut, kuasa Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah bergantung kepada cara-cara yang tersebut di bawah ini:-

- (i) bagi jenis hasil di perenggan 4(a) jumlahnya mahulah dikutip di dalam tahun yang sama dengan tahun pendaftaran Suratan Hakmilik jika tidak jumlah itu mahulah dikutip sebagai tambahan kepada hasil tahunan mengikut seksyen 84(1)(b) Kanun Tanah Negara. Apabila menggunakan catatan-catatan bagaimana di dalam **Lampiran 'A'** ruangan 9 itu hendaklah digunakan apabila hasil-hasil yang sepatutnya dibayar di bawah butir dalam perenggan 4(a), tidak dijelaskan dalam tahun yang sama dengan tahun didaftarkan suratan Hakmilik.
- (ii) Dalam perkara-perkara yang disebutkan dalam perenggan 4(b), (c) dan (d) Suratan Hakmilik tidaklah boleh dikeluarkan sehingga bayaran dijelaskan.

5. Sekiranya kelulusan tanah itu menjadi lebih kecil daripada keluasan ukuran kasar itu, Pemungut-pemungut hendaklah juga mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengembalikan kelebihan bayaran kepada tuan tanah bagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 84(1)(a), 190(1)(c), 171(1)(d) dan 191(b) Kanun Tanah Negara. Pengembalian balik bayaran-bayaran itu hendaklah dibuat mengikut Treasury Instruction No. 87 dan dalam perkara-perkara yang mengenai hasil-hasil Persekutuan bayaran balik hendaklah dibuat daripada perbekalan-perbekalan di dalam anggaran Kementerian Perusahaan Utama.

6. Di setengah-setengah Pejabat-pejabat Tanah satu Ledger ada digunakan untuk pungutan hasil tanah selepas tanah diukur dan Ledger ini adalah dikenali sebagai 'Ledger Peraturan Tanah 14'. Apabila Ledger baharu sebagaimana dalam **Lampiran 'A'** digunakan maka penggunaan Ledger Land Rule 14 itu hendaklah dihentikan.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 105/57 S.K. 1(4)
Kuala Lumpur,
Februari, 1972

LEDGER BAYARAN TAMBAHAN HASIL-HASIL TANAH

No. Fail	Keterangan dan Bil. Hakmilik	Mukim	Nama Tuan Tanah	Cukai Tanah						Tarikh Bayaran	No. Resit	Tarikh Pengeluaran Suratan Hakmilik	Pindaan Kepada Rent Roll	Tarikh Dan Jumlah Tanda-Tangan Kecil Pemungut Dan Tarikh
				Cukai	Harga Tanah	Bayaran Ukur	Tanda Sempadan	Cukai Pelajaran	Cukai Parit dan Taliair					
				\$ sen	\$ sen	\$ sen	\$ sen	\$ sen	\$ sen					